

Hubungan Penglibatan Ibu Bapa Dan Peranan Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah

Mairin Bin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Bin Saharin & Siti Rozana Binti Sali

Abstrak – Keputusan pencapaian akademik yang diperolehi oleh setiap pelajar didalam peperiksaan awam di sekolah adalah berbeza antara satu sama lain. Perbezaan pencapaian ini disebabkan oleh pelbagai faktor persekitaran dalam kehidupan harian pelajar itu sendiri. Oleh itu, kajian deskriptif ini akan melihat hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar menengah rendah. Kajian kuantitatif bukan eksperimental dipilih dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengutip data. Seramai 269 sampel yang merupakan pelajar Tingkatan 2, di lima buah sekolah di daerah Ranau telah dipilih secara rawak mudah. Nilai kebolehppercayaan soal selidik yang digunakan adalah diantara 0.800 – 0.823 Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Science Social (SPSS) Version 26. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara komunikasi ($r = .790^{**}$, $p = .000$), penyediaan suasana pembelajaran ($r = .726^{**}$, $p = .000$) dan sokongan ibu bapa di rumah ($r = .808^{**}$, $p = .000$) dengan pencapaian akademik pelajar. Manakala kualiti pengajaran ($r = .715^{**}$, $p = .000$) dan kesesuaian aras pengajaran ($r = .776^{**}$, $p = .000$) oleh guru menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar.

Kata kunci – Motivasi, kecerdasan emosi, efikasi, kepuasan, guru, sekolah rendah

I. PENGENALAN

Dalam sistem pendidikan negara, bidang akademik merupakan satu platform pembelajaran yang sangat penting. Keberkesanan dan kejayaan dasar pendidikan itu diukur berdasarkan tahap pencapaian pelajar didalam akademik. Penilaian prestasi pelajar murid ini boleh dinilai melalui aktiviti kuiz, pembentangan, ujian dan peperiksaan awam. Di sebalik pencapaian cemerlang dalam akademik, penglibatan ibu bapa di dalam pendidikan anak-anak sangat penting. Penyertaan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak akan memberi galakan kepada mereka untuk lebih berusaha.

Tanpa penglibatan ibu bapa, anak-anak mungkin akan Jadi anak-anak tidak akan bersungguh-sungguh membuat ulangkaji pelajaran dan menyiapkan kerja sekolah apabila berada di rumah. Bagi memastikan anak-anak dapat memberi tumpuan berterusan dalam pelajaran, ibu bapa

perlu mempunyai hubungan komunikasi yang baik dengan anak-anak ketika berada di rumah. Antaranya memberi nasihat, berusaha membantu anak-anak menyiapkan kerja sekolah dan berbincang tentang masalah pelajaran yang dihadapi oleh anak-anak. Dapatan kajian Mohd Jelas et al (2014), menunjukkan ibu bapa yang memberikan sokongan akademik seperti memberi bimbingan menyiapkan kerja sekolah, memberi sokongan motivasi seperti berbincang mengenai masalah pelajaran dan memantau kegiatan anak-anak akan menyumbang kepada pencapaian akademik anak mereka. Manakala, Mohamad Johdi Salleh et al (2012), mendapati faktor pendorong kejayaan pelajar dipengaruhi oleh ibu bapa, seperti memenuhi keperluan persekolahan anak-anak termasuklah alat tulis, pakaian sekolah dan keperihatinan ibu bapa terhadap perkembangan pendidikan anak-anaknya.

Selain itu, kekurangan kelengkapan persekolahan, persekitaran yang bising dan ketiadaan tempat belajar yang sesuai di rumah juga menyebabkan pencapaian dalam akademik anak-anak kurang memberangsangkan. Ini kerana keadaan persekitaran pembelajaran yang tidak selesa akan mengganggu tumpuan anak-anak dalam pelajaran. Abd. Razak Zakaria (2011) mendapati seramai 96.5 peratus responden yang terdiri daripada 1000 orang pelajar Tingkatan 4 di Selangor berharap ibu bapa mereka dapat menyediakan ruang pembelajaran yang selesa dan sesuai di rumah. Sokongan ibu bapa kepada anak-anak turut membantu meningkatkan tahap pencapaian akademik mereka. Ibu bapa boleh memberi sokongan dalam pelbagai bentuk kepada anak-anak seperti memberi galakan mengulangkaji pelajaran, memberi pujian dan kata-kata nasihat. Hasil kajian temubual oleh Guolaug Erlendsdottir (2010), keatas tujuh orang ibu bapa di Namibia yang mempunyai anak cemerlang menyatakan mereka telah memberikan sokongan berterusan dan terlibat sepenuhnya dalam pelajaran anak-anak. Oleh itu, ibu bapa perlu terlibat sama dalam pembelajaran anak-anak di rumah supaya proses pembelajaran anak-anak di sekolah akan berterusan dan tidak terhenti selepas sesi persekolahan tamat.

Tahap pencapaian akademik pelajar turut dipengaruhi oleh latar belakang ibu bapa mereka iaitu jenis pekerjaan ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa dan pendapatan kasar ibu bapa. Sosioekonomi khususnya tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa mempunyai perkaitan dalam mempengaruhi sikap pelajar iaitu aspirasi, motivasi, semangat sendiri, penyertaan pelajar dalam bidang kurikulum di sekolah (Zahir, 2015). Ramai diantara pelajar yang kurang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan sekolah terdiri daripada anak-anak yang tidak mendapat perhatian dan sokongan ibu bapa didalam pelajaran.

Perkara ini berlaku disebabkan ibu bapa yang berkerja

Mohamad Nizam Nazarudin, Universiti Malaysia Sabah, (mnizam@ums.edu.my)
Zakiah Noordin, Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Sabah
Mairin Bin Gosman, Universiti Malaysia Sabah
Azmain Bin Saharin, Universiti Malaysia Sabah
Siti Rozana Binti Sali, Universiti Malaysia Sabah

sebagai petani, penoreh getah dan pekebun sawit kecil-kecilan lebih banyak menumpuhkan tenaga dan masa keatas pekerjaan untuk menyara keluarga. Maka, atas faktor kekangan masa menyebabkan ibu bapa mengabaikan peranan mereka dan membiarkan anak belajar tanpa bimbingan dan pemantauan di rumah (Abd. Razak & Noraini, 2011). Kekurangan masa ibu bapa membuat bimbingan dan memantau perkembangan pelajaran anak-anak akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka (Jones, 2004). Kajian Mohamad Johdi Salleh et. al, (2012) pula mendapati latar belakang keluarga yang agak miskin, hidup susah atau ibu bapa yang terdiri daripada ahli akademik dan professional turut mendorong kepada kejayaan pelajar dalam bidang akademik.

Manakala di peringkat sekolah, main peranan seorang guru banyak membantu pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik. Kebolehan seseorang guru menyampaikan isi pengajaran dan pembelajaran dengan menarik di dalam kelas akan memudahkan penerimaan suatu konsep atau kemahiran oleh pelajar. Tanpa kualiti pengajaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan berasa bosan dan tidak berminat untuk belajar. Ini menyebabkan mereka sukar memahami apa yang hendak disampaikan oleh guru. Justeru, guru perlu membuat perancangan lebih awal tentang sesuatu topik pengajaran sebelum masuk mengajar. Persediaan awal ini akan membantu guru merancang kesesuaian kaedah pengajaran, menyediakan bahan bantu mengajar dan menguasai isi pengajaran supaya dapat menyampaikannya dengan lebih berkesan.

Pemilihan kesesuaian aras pengajaran dalam suatu topik yang hendak diajar oleh guru turut memberi kesan positif kepada tahap penguasaan pelajar. Setiap kali sebelum bermula suatu sesi pengajaran dan pembelajaran, guru perlu mengenalpasti tahap kebolehan dan keupayaan setiap pelajar. Ini kerana jika guru menetapkan aras pembelajaran rendah, pelajar yang cerdas tidak akan memberi tumpuan. Apabila ditetapkan aras pembelajaran tinggi, pelajar yang lemah akan mengalami kesukaran mengikutnya. Maksudnya, kedua-dua situasi ini akan menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai isi pengajaran yang hendak disampaikan oleh guru. Maka, guru perlu menetapkan aras pengajaran yang sesuai berdasarkan keupayaan pelajar supaya sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dikuasai oleh semua pelajar. Ini menunjukkan bahawa peranan guru merupakan salah satu faktor yang dapat mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar (Mohamad Johdi e. al., 2012).

Pencapaian akademik seseorang pelajar dapat dinilai melalui keputusan yang diperoleh didalam ujian atau peperiksaan yang diduduki. Tahap pencapaian ini boleh dipecahkan kepada beberapa kriteria iaitu cemerlang, baik, sederhana, lemah dan gagal. Keputusan pencapaian akademik pelajar menunjukkan sejauh mana aras penguasaan pelajar tersebut di dalam pelajaran. Bagi membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar, ibu bapa dan guru dilihat mempunyai pertalian yang rapat dengan pencapaian akademik pelajar. Kepentingan penglibatan ibu bapa dapat dilihat pada dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Anjakan 9 yang mahukan penglibatan aktif dikalangan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta secara luas bagi membantu pembelajaran

anak mereka melalui sarana penglibatan ibu bapa. Dapatan kajian antarabangsa PISA 2009+ menunjukkan bahawa faktor utama yang mendorong kepada pencapaian murid adalah cara ibu bapa menghabiskan masa bersama anak-anak di rumah (KPM, 2013).

II. PENYATAAN MASALAH

Pencapaian akademik didalam ujian atau peperiksaan banyak bergantung kepada disiplin belajar, kebolehan mengurus masa dan usaha gigih seseorang pelajar. Selain kebolehan individu, pencapaian akademik pelajar juga berkait rapat dengan penglibatan dan latar belakang ibu bapa. Kajian-kajian lepas mendapati bahawa matlamat dalam pendidikan dipengaruhi oleh pendapatan keluarga serta penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di rumah. Penglibatan ibu bapa dapat dilihat melalui beberapa aspek seperti perbincangan, penjagaan dan komunikasi Zulkifli Abd. Hamid et. al, (2011). Dengan adanya sokongan dan kasih sayang ibu bapa, pelajar akan lebih bersemangat untuk berjaya dalam pelajaran. Ini kerana pelajar yang kurang mendapat sokongan dan kasih sayang daripada ibu bapa disebabkan oleh perceraian, keadaan rumah tangga yang tidak aman dan sebagainya akan menghadapi masalah dan menjadi penghalang terhadap pembelajaran mereka Anuar Ahmad dan Norhaidawati Mohd Noor (2016).

Pencapaian akademik pelajar turut dikaitkan dengan peranan guru di sekolah. Kebijaksanaan kaedah penyampaian dalam PdPcc oleh guru akan dapat membantu menyampaikan objektif pengajaran dengan berkesan kepada pelajar. Dapatan kajian Ee Ah Meng (2003), mendapati strategi kebijaksanaan pengajar memilih suatu pendekatan dan kecekapan merancang kaedah dan teknik pembelajaran akan memberikan impak yang lebih baik terhadap pemahaman pelajar dalam proses pembelajaran. Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan pelbagai juga akan membantu meningkatkan penguasaan dalam proses PdPcc. Ini kerana sesi pengajaran yang baik dan berkesan memerlukan guru yang pandai serta berkebolehan dalam mempelbagaikan kaedah, teknik, pendekatan dan aktiviti yang dijalankan dalam pengajarannya (Sinari 2003).

III. SOROTAN LITERATUR

Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik membawa maksud kemampuan dan kebolehan pelajar menerima dan menguasai pelajaran yang dipelajari di sekolah. Pencapaian juga boleh ditakrifkan sebagai kejayaan yang diperolehi oleh pelajar dalam ujian atau peperiksaan berpandukan standard markah yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPN). Pencapaian akademik pelajar menengah rendah dinilai dalam bentuk Gred berdasarkan markah yang diperolehi dalam setiap mata pelajaran yang diambil. Perincian penggredan markah pelajar. Untuk kajian ini, pengkaji hanya melihat pencapaian akademik mata pelajaran Bahasa Melayu yang di perolehi oleh pelajar Tingkatan Dua dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2019 melibatkan lima buah sekolah menengah di daerah Ranau.

Teori Keperluan oleh McClelland dalam Baharom & Iliyas (2009) telah memperincikan kepentingan keperluan

untuk mendorong individu supaya berusaha bersungguh-sungguh mencapai kejayaan. Teori ini pada mulanya digunakan untuk mengetahui perhubungan diantara kelaparan dengan bayangan makanan yang akan mempengaruhi proses pemikiran seseorang. Melalui kajian yang telah dijalankan, subjek yang tidak memperoleh makanan dalam tempoh yang panjang, akan menulis lebih banyak perkataan berkaitan dengan makanan dalam maklum balas mereka. Perkara sama juga turut berlaku apabila subjek tersebut dikehendaki menceritakan tentang potensi yang boleh dicapai dalam satu gambar, motivasi pencapaian dalam diri mereka dapat ditimbulkan. Menurut Schultz dan Schultz (2008), McClelland telah mengelaskan teori keperluan ini dalam beberapa ciri-ciri atau sifat individu memiliki tahap keperluan pencapaian yang tinggi. Sifat-sifat individu ini adalah seperti suka pada tugas yang mempunyai kesukaran sederhana, bertanggungjawab secara peribadi keatas prestasi kerja, sukakan maklum balas, inovatif dan kesungguhan.

Menurut Maslow dalam Ragbir (2010), seorang individu bertindak berdasarkan keperluan-keperluan asas yang hendak dipenuhi iaitu memenuhi keperluan asas manusia terlebih dahulu sebelum ingin mencapai hierarki-hierarki yang lebih tinggi. Keperluan asas ini terdiri daripada empat keperluan asas perkembangan manusia iaitu:

- a. Fisiologikal – Lapar, dahaga dan keselesaan badan.
- b. Perlindungan dan Keselamatan – Kediaman dan keamanan.
- c. Pemilikan dan Kasih Sayang – Diteriam dalam masyarakat.
- d. Penghargaan Kendiri – Terlatih dan pengiktirafan diri.

Selepas seseorang individu berjaya memenuhi keempat-empat keperluan perkembangan di atas, dia akan bermotivasi untuk mencapai heirarki-heirarki yang lebih tinggi dalam keperluan penyempurnaan sendiri. Keperluan penyempurnaan sendiri merujuk kepada suatu tahap yang dicapai oleh seseorang yang mana ia merasakan kejayaan tersebut adalah hasil usaha keras dan potensi diri sendiri. Terdapat empat heirarki lagi yang akan dicapai oleh seseorang individu untuk mendapat tahap kesempurnaan sendiri iaitu:

- a. Kognitif – mengetahui, memahami dan mencar ilmu.
- b. Aestetik – penghargaan simetri dan kecantikan.
- c. Penyempurnaan Kendiri – Mencari keperluan diri dan menyedari potensi diri.
- d. Meluaskan Kendiri – Menghubungkait dengan keperluan dunia.

Apabila seseorang individu telah memenuhi heirarki-heirarki di atas, maka individu tersebut telah berjaya memenuhi kesempurnaan sendiri. Maksudnya seseorang itu perlu memenuhi keperluan asasnya terlebih dahulu sebelum bermotivasi mendapatkan satu lagi tahap yang lebih tinggi. Berdasarkan teori Maslow, terdapat lapan hierarki keperluan yang perlu dipenuhi seseorang individu bagi mencapai ke tahap kesempurnaan diri. Teori Hierarki Keperluan Maslow adalah seperti dalam Rajah 1:



RAJAH 1: PIRAMID TEORI HEIRARKI KEPERLUAN MASLOW

Berdasarkan Teori Maslow, pencapaian pelajar dalam bidang akademik adalah berkait rapat dengan penglibatan yang dimainkan oleh ibu bapa dan latar belakang keluarga. Ini kerana pelajar memerlukan keperluan asas fisiologi, jaminan keselamatan, kasih sayang dan penghargaan diri sebelum dapat mengembangkan potensi diri sendiri. Maka, ibu bapa perlu berusaha menyediakan keperluan pembelajaran seperti alat tulis, buku, beg, kasut dan pakaian sekolah supaya anak-anak selesa untuk belajar. Selain itu, penjagaan keselamatan dan curahan kasih sayang ibu bapa kepada anak-anak seperti menghantar anak ke sekolah akan menyebabkan anak-anak merasa dilindungi dan dihargai. Apabila anak-anak merasa disayangi dan dihargai tumpuan mereka kepada pembelajaran akan lebih fokus.

Keperluan lain seperti tempat belajar yang selesa kepada anak-anak di rumah juga boleh menjadi pemangkin kepada anak-anak untuk mengulangkaji pelajaran dan menyiapkan tugasan sekolah semasa di rumah. Justeru dengan memenuhi keperluan-keperluan asas yang diperlukan oleh anak-anak dalam bidang pendidikan, ia akan menjadi sokongan dan pendorong kepada pelajar untuk mendapatkan keputusan yang terbaik dalam akademik. Ibu bapa juga perlu memberi penghargaan kepada setiap pencapaian yang dirai oleh anak-anak. Penghargaan ibu bapa sangat bermakna kepada anak-anak kerana ia merupakan satu bentuk sokongan kepada anak-anak. Contohnya ibu bapa memberi ucapan tahniah atau memberikan hadiah penghargaan diatas pencapaian lulus dalam ujian bulanan. Penghargaan tersebut akan menjadi galakan kepada anak-anak untuk berusaha gigih pada masa akan datang.

Menurut Mohamad Johdi Salleh et. al, (2012), faktor sendiri sangat mempengaruhi kejayaan pencapaian dalam akademik terutama faktor berdo'a dan membuat persediaan peperiksaan dari peringkat awal. Sebab utama kedua-duanya menjadi faktor tertinggi mempengaruhi pencapaian akademik adalah kerana atas kesedaran individu itu sendiri bahawa untuk mendapatkan kejayaan dan kecemerlangan dalam akademik, mereka perlu membuat persediaan awal sebelum menghadapi sesuatu ujian atau peperiksaan. Selain itu, pencapaian akademik pelajar juga didorong oleh penglibatan ibu bapa. Antaranya adalah kesanggupan ibu bapa menyediakan kelengkapan persekolahan untuk anak-anak mereka. Apabila keperluan persekolahan anak-anak lengkap, anak-anak akan lebih bersemangat dan dapat menumpuhkan sepenuh perhatian terhadap pelajaran. Keprihatin ibu bapa menyediakan kelengkapan untuk pembelajaran anak-anak menjadikan mereka ini lebih bersemangat untuk memajukan diri sendiri dan ingin

menunjukkan bahawa mereka anak yang boleh mengubah masa depan keluarga (Mohamad Johdi Salleh et al, 2012). Sumber inspirasi ini secara tidak langsung akan membantu pelajar untuk berusaha sedaya upaya mencapai kecemerlangan dalam akademik.

Penglibatan Ibu Bapa

Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura merupakan satu teori umum mengenai tingkah laku manusia. Bandura (dalam Ragbir Kaur Joginder Sing, 2010), menerangkan tingkah laku manusia dari segi interaksi timbal-balik yang berterusan antara pengaruh kognitif, tingkah laku, dan persekitaran. Teori Pembelajaran Sosial Bandura menekankan tentang peranan persekitaran dalam pembentukan peribadi manusia. Menurut Bandura (dalam Ragbir Kaur Joginder Sing, 2010), proses mengamati dan meniru perilaku dan sikap orang lain sebagai model merupakan tindakan belajar. Misalnya, tingkah laku remaja terhasil akibat daripada pengalaman pengasuhan pada zaman kanak-kanak. Oleh itu, kebanyakan tingkah laku anak-anak adalah mengikut persekitaran masyarakat dan peranan ibu bapa terutamanya.

Manakala, tingkah laku yang menyeleweng pula adalah akibat asuhan dan proses sosialisasi yang kurang sempurna. Pendedahan daripada kebiasaan dan tingkah laku yang dicontohi inilah seterusnya membentuk kepada perubahan-perubahan dalam masyarakat seterusnya menghasilkan perubahan dalam persepsi terhadap masyarakat. Hal ini seterusnya dilihat sebagai tradisi dan menjadi budaya yang diamalkan. Apabila berlakunya pemerhatian anak-anak melalui tingkah laku ibu bapa berdasarkan kepada teori ini, maka anak-anak secara tidak langsung akan memberi respon terhadap perlakuan ibu bapa mereka yang mengambil berat dan melibatkan diri dengan aktif terhadap pembelajaran mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Bandura proses timbal balik akan berlaku dan hal ini mendorong anak-anak untuk lebih bermotivasi dalam pelajaran. Oleh itu, Teori Pembelajaran Sosial dilihat dapat digunapakai untuk memenuhi aspirasi tersebut.

Hoover-Dempsey dan Sandler (1995) menyatakan penglibatan ibu bapa dengan anak-anak di peringkat menengah wajar diutamakan kerana akan menduduki peperiksaan penting. Model penglibatan ibu bapa ini menerangkan mengapa ibu bapa perlu melibatkan diri dalam pendidikan anak dan bagaimana penglibatan mereka secara tidak langsung dapat mempengaruhi pencapaian anak di sekolah. Model ini di mengandungi lima tahap yang menekankan kepada aspek psikologi dan penglibatan ibu bapa. Terdapat tiga faktor kritikal yang menentukan penglibatan ibu bapa (Hoover-Dempsey dan Sandler, 1995, 1997) iaitu:

- Pembinaan peranan ibu bapa iaitu kepercayaan tentang keperluan penglibatan dalam pendidikan anak-anak.
- Efikasi sendiri ibu bapa iaitu ibu bapa mempunyai pengetahuan dan kemahiran.
- Sikap keterbukaan pihak sekolah terhadap ibu bapa.

Hoover-Dempsey dan Sandler (1997). turut menjelaskan sebarang keputusan yang diambil oleh ibu bapa dipengaruhi oleh bagaimana mereka membina peranan sebagai ibu bapa dan efikasi sendiri yang ada dalam diri sebagai ibu bapa.

Pembinaan peranan ibu bapa ini dipengaruhi oleh bagaimana bentuk jangkaan ibu bapa tersebut. Persekitaran ibu bapa seperti ahli keluarga, rakan-rakan dan individu di sekolah turut mempengaruhi pembinaan peranan oleh ibu bapa.

Seterusnya, model ini mencadangkan tiga mekanisme penglibatan ibu bapa yang dapat mempengaruhi pencapaian akademik anak iaitu melalui model, pengukuhan dan arahan. Selepas itu, ibu bapa perlu menggunakan strategi yang bersesuaian dengan tahap perkembangan anak. Ketika melaksanakan strategi ini, ibu bapa perlu memastikan keterlibatan mereka dalam pembelajaran anak selari dengan tindakan dan jangkaan yang dibuat di sekolah. Apabila ibu bapa dapat melaksanakan dengan berkesan kesemua cadangan dalam model penglibatan ibu bapa ini, anak akan berusaha untuk mencapai kejayaan berdasarkan kepada pengetahuan, kemahiran dan keupayaan yang ada pada diri sendiri. Jadi, pemilihan model ini sebagai model kajian adalah bersesuaian dengan skop penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar yang dikaji. Ini kerana, Model Penglibatan Ibu bapa ini telah memberi satu gambaran bagaimana penglibatan ibu bapa akan membantu pencapaian anak di sekolah.

TAHAP 5			Hasil kepada anak-anak/ murid
			Pengetahuan dan Kemahiran
			Keupayaan diri untuk melakukan yang terbaik
TAHAP 4			Pembolehubah Pengantar
Penggunaan strategi penglibatan Ibu Bapa yang sesuai dengan perkembangan		Penglibatan Ibu Bapa sepadan diantara Tindakan dan jangkaan sekolah	
TAHAP 3			Mekanisme penglibatan Ibu Bapa mempengaruhi Pencapaian anak
Model		Pengukuhan	
TAHAP 2			Bentuk dan pilihan penglibatan Ibu Bapa dipengaruhi oleh
Pengkhurusan daripada Pengetahuan dan Kemahiran Ibu Bapa		Campur aduk kehendak daripada keseluruhan masa dan tenaga (keluarga dan Pekerjaan)	
			Keperluan penglibatan dan Jemputan khusus daripada anak dan sekolah
TAHAP 1			Penentuan penglibatan asas ibu bapa dipengaruhi oleh
Pembentukan peranan keibubapaan		Keupayaan dan kesedaran Ibu Bapa untuk membantu anak-anak berjaya di sekolah	
			Keperluan penglibatan dan jemputan umum daripada anak dan sekolah

RAJAH 2: MODEL PROSES PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN

Sebagai ibu bapa, melihat kejayaan anak-anak dalam akademik akan mengembirakan dan membanggakan keluarga. Namun kejayaan anak-anak tidak mungkin tercapai tanpa penglibatan ibu bapa sendiri. Ini kerana penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak akan memberikan kesan secara nyata dan langsung ke atas pencapaian akademik anak-anak (Zulkifli et al, 2011). Main peranan dan penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik anak-anak turut dipengaruhi oleh faktor ekonomi ibu bapa. Menurut Zulkifli et al (2011), keterlibatan ibu bapa dan status sosio ekonomi memberikan sumbangan yang signifikan terhadap peningkatan tahap pengetahuan akademik anak-anak mereka. Maksudnya, ibu bapa yang berpendapatan tinggi mampu melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam pendidikan anak-anak berbanding ibu bapa yang berpendapatan rendah. Contohnya ibu bapa berpendapatan tinggi lebih berkemampuan menghantar anak-anak ke kelas tuisyen. Manakala, ibu bapa yang berpendapatan rendah akan hanya bergantung kepada pihak sekolah untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka.

Dalam kajian Shahrul Arba'iah Othman, et al (2008), mendapati bahawa semakin tinggi tahap penglibatan ibu bapa dengan anak pekak, anak-anak mereka lebih berjaya dalam akademik. Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan dalam pendidikan anak-anak sama ada di rumah mahupun di sekolah (Abd. Razak Zakaria dan Norani Mohd Salleh, 2012). Selain itu, ibu bapa juga perlu memberikan

sokongan moral kepada anak-anak seperti ucapan tahniah, pelukan dan hadiah penghargaan dalam setiap yang diceburi oleh anak-anak. Sokongan daripada ibu bapa akan menjadi pembakar semangat dan motivasi kepada anak-anak untuk terus mencipta kejayaan. Antara faktor kejayaan anak-anak dalam bidang akademik adalah disebabkan adanya dorongan dan sokongan daripada keluarga iaitu ibu bapa (Noor Su'adah et al, 2013).

Peranan Guru

Guru merupakan warga pendidik di sekolah yang berperanan secara langsung dalam pelaksanaan dan penyediaan program-program pendidikan di sekolah kepada golongan sasarannya iaitu para pelajar. Peranan yang dimainkan oleh guru adalah penting supaya memperkembangkan lagi potensi para pelajar secara menyeluruh serta melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Menurut Mok Soon Sang (1988), antara peranan guru adalah seperti berikut:

- a. Sebagai tenaga pengajar dengan merancang aktiviti pelajar berdasarkan sukatan pelajaran dan melaksanakannya dalam bilik darjah mengikut strategi pengajaran yang sesuai.
- b. Sebagai pengarah pembelajaran dengan membimbing pelajar supaya mereka berusaha belajar secara individu atau berkumpulan.
- c. Sebagai pengurus bilik darjah seperti menyusun rutin bilik darjah, menentu corak penyusunan meja dan sebagainya.
- d. Sebagai ibu bapa kepada pelajar, demi menjaga keselamatan dan kebajikan pelajar. Peranan ini akan membantu pelajar menyesuaikan diri dalam sekolah sebagai sebahagian keluarga mereka.
- e. Sebagai pendisiplin yang bertanggungjawab menjaga disiplin pelajar serta membantu mereka membentuk sahsiah dan kelakuan yang sejajar dengan nilai dan norma masyarakat.
- f. Sebagai contoh model hidup di mana tingkah laku guru menjadi contoh teladan kepada pelajar. Nilai-nilai murni yang ditunjukkan oleh guru di sekolah dapat diterapkan dalam jiwa pelajar.

Teori Pembelajaran Kognitif Bruner (1966) dalam Ragbir Kaur Joginder Singh (2010), menyatakan terdapat empat aspek utama yang menyumbang kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran iaitu:

a. Kecenderungan Murid-Murid

Para pelajar perlu mempunyai mempunyai rasa ingin tahu tentang perkara yang berada di persekitarannya. Mereka perlu sentiasa bercakap dengan diri sendiri dengan mengutarakan soalan-soalan seperti, Mengapa? Kenapa? atau Bagaimana? Penyoalan diri sendiri akan membantu pelajar berusaha menguasai sesuatu topik pembelajaran.

b. Pengajaran Berstruktur

Kebijaksanaan guru menyusun dan menyediakan rancangan pengajaran akan membantu proses penyampaian supaya lebih mudah difahami oleh pelajar. Contohnya, guru memulakan sesi pengajaran dan

pembelajaran dari aras rendah kepada aras tinggi. Manakala isi pembelajaran perlu disertakan dengan contoh yang bersesuaian agar dapat menambah tahap penguasaan pelajar.

c. Rangkaian

Rangkaian merupakan kesinambungan topik lama bagi pembelajaran dan pengajaran lepas. Dalam hal ini, guru perlu menghubungkan topik baru dengan topik yang telah diajar. Jadi, sesi pelajar perlu diberi peluang untuk sentiasa mengaitkan pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada.

d. Peneguhan

Guru-guru mesti bijak melaksanakan bentuk peneguhan yang bersesuaian untuk memperkasakan sesi pembelajaran yang berlangsung. Selain itu, menetapkan peruntukan masa yang sesuai semasa melakukan peneguhan adalah penting supaya murid dapat bertindak balas secara bersiri dan konsisten.

Bruner (1966) menyatakan aspek budaya mampu mempengaruhi proses pembelajaran seseorang pelajar. Ini kerana konsep sendiri seseorang lahir dan mengalami proses perkembangan berdasarkan budaya seseorang individu. Contohnya, seseorang individu yang membesar di luar negara akan cenderung kepada kebudayaan dan tradisi yang telah menjadi amalan ibu bapa di rumah. Implikasi teori Bruner kepada peranan guru adalah kepentingan dalam merancang dan menyusun rancangan pengajaran sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran. Perancangan yang baik akan membantu guru menyampaikan sesi pengajaran dengan teratur, menarik dan berkesan. Selain itu, kebijaksanaan guru menetapkan objektif pembelajaran yang bersesuaian dengan berdasarkan aras penguasaan dan kemahiran pelajar akan memudahkan para pelajar mengikuti dan menguasai kemahiran yang diajar.

Dalam model Slavin (1994) menyatakan amalan pengajaran yang berkesan dipengaruhi oleh empat faktor iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa.

a. Kualiti pengajaran

Kualiti pengajaran merupakan keupayaan atau kebolehan guru menyampaikan pengajaran supaya lebih mudah difahami, senang diingat dan menyeronokkan pelajar. Menurut Kallison (1986), penyampaian isi pengajaran oleh guru perlu disusun dengan sistematik dan hendaklah menggunakan bahasa penghantar yang mudah dan sebutan jelas (Land, 1987). Guru juga perlu menerangkan objektif pembelajaran dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada dan pengalaman lalu pelajar (King & Menke, 1992). Selain itu, penerangan sesuatu konsep oleh guru perlu disertakan dengan contoh-contoh yang bersesuaian dan bahan bantu mengajar (BBM) (Hiebert et al, 1991; Kozma 1991). Manakala Abdul Ghani Abdullah et al, (2010), menyatakan guru perlu bijak menghidupkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dengan menyelitikan penggunaan bahasa yang lucu, menggunakan grafik dan bahasa badan supaya tidak membosankan pelajar.

b. Aras pengajaran yang sesuai

Aras pengajaran yang sesuai bermaksud guru menetapkan objektif pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan dan kemahiran pelajar. Kesesuaian objektif

pembelajaran akan membantu guru melaksanakan pengajaran dengan lebih efektif, dimana pelajar yang lemah akan dikumpul bersama dengan pelajar yang cerdas ke dalam satu kumpulan. Melalui pembelajaran secara koperatif (*cooperative learning group*) ini, pelajar yang cerdas akan membimbing pelajar yang lemah dalam kumpulannya. Maka, guru dapat memberi sepenuh tumpuan kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

c. Insentif

Insentif merupakan keupayaan guru memberi motivasi kepada pelajar untuk terus belajar dan menyiapkan tugas yang telah diberikan. Slavin (1994), menyatakan bahawa terdapat dua cara untuk motivasi pelajar supaya terus belajar iaitu guru perlu menyediakan isi pengajaran yang menarik minat dan menyeronokkan pelajar melalui penggunaan kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar (ABM) yang sesuai dan pelbagai. Seterusnya, guru boleh memberikan ganjaran atau pujian kepada pelajar yang dapat menyiapkan dan mendenda pelajar yang tidak menyiapkan kerja yang diberikan.

d. Masa

Masa merujuk kepada peruntukan waktu yang telah ditetapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini bermaksud waktu yang telah ditetapkan adalah mencukupi untuk pelajar menguasai sesuatu konsep atau kemahiran yang diajar oleh guru. Terdapat dua faktor yang mempengaruhi pengajaran guru iaitu peruntukan masa (*allocated time*) kepada guru untuk mengajar sesuatu mata pelajaran dan masa tugas (*time-on-task*) yang bermaksud masa yang digunakan oleh guru untuk mengajar serta masa digunakan oleh pelajar untuk mempelajari ilmu pengetahuan atau kemahiran.


Dalam kajian ini, model Slavin 1994 akan digunakan sebagai model untuk melihat peranan yang dimainkan oleh guru dari aspek keberkesanan pengajaran dan penetapan objektif pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Maknanya, sebelum memulakan sesi pembelajaran, guru perlu merancang dan menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH) dengan tersusun supaya sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) berjalan dengan lancar. Sebelum menetapkan objektif pembelajaran, guru perlu mengetahui aras penguasaan pelajar yang bakal diajar. Perancangan yang baik dalam penyediaan RPH dan penetapan objektif pembelajaran yang sesuai akan meningkatkan penguasaan para pelajar. Bagi meningkatkan lagi penguasaan dan kefahaman pelajar dalam setiap pengajaran dan pembelajaran (PdP), guru disarankan menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai. Selain itu, guru juga sentiasa bersedia menjadi dirinya sebagai pemudahcara dan bahan rujukan kepada pelajar agar mampu membantu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar.

Kebolehan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan menarik di dalam kelas mampu memberi nilai tambah kepada tahap penguasaan pelajar terhadap topik yang diajar. Pendekatan pengajaran guru yang pelbagai turut membantu meningkatkan pemahaman pelajar di dalam kelas. Ee Ah Meng (2003), menyatakan strategi kebijaksanaan pengajar memilih suatu pendekatan dan kecekapan merancang kaedah dan teknik

pembelajaran akan memberi impak yang lebih baik terhadap pemahaman pelajar dalam proses pembelajaran. Oleh itu, perancangan pengajaran yang tersusun dengan mengambil kira tahap penguasaan pelajar dapat membantu menjadikan pengajaran itu lebih berkualiti. Kemampuan guru melaksanakan pengajaran yang berkualiti merupakan platform yang berkesan untuk mentransformasikan pendidikan di peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah dapat meningkatkan keberhasilan pelajar (KPM, 2013; Noor Erna & Leong, 2013).

Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan topik pengajaran oleh guru turut menyumbang secara langsung kepada pencapaian akademik pelajar. Ini kerana kepelbagaian bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran akan meningkatkan lagi tumpuan pelajar dalam sesi pembelajaran. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui kajian Ishak (2009), yang mendapati terdapat tiga perkara asas yang berkait secara terus dan dikatakan sebagai punca utama peningkatan prestasi pelajar tersebut iaitu diri pelajar, pengajar serta bahan atau kaedah yang digunakan oleh pengajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Guru juga perlu menyediakan suasana pembelajaran yang selesa dan menarik minat pelajar untuk berada didalam kelas. Keadaan kelas yang kemas, bersih dan ceria akan membantu pelajar meningkatkan perhatian kepada pengajaran guru. Nurul Akmar (2004) mendapati faktor sikap, iklim persekitaran dan pengajaran pensyarah amat mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Dalam kajian Norhamiza (2005) pula mendapati antara faktor-faktor yang turut menyumbang kepada kecemerlangan pelajar ialah dari aspek pengurusan masa yang baik, kecerdasan emosi pelajar, peranan pengetua dalam memberikan iklim pembelajaran yang kondusif, pengurusan iklim persekolahan yang selesa dan juga peranan pendidik sendiri dalam usaha melaksanakan proses pengajaran.



RAJAH 3: KERANGKA KONSEP KAJIAN

Maka kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara penglibatan ibubapa, peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar di daerah Ranau, Sabah manakala objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengenal pasti hubungan penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah rendah.
- 2) Mengenal pasti hubungan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah rendah.

IV. METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini ialah kuantitatif bukan eksperimen iaitu berbentuk kajian deskriptif dan kajian korelasi. Kajian deskriptif akan dilaksanakan bagi mengetahui maklumat demografi responden manakala kajian korelasi akan digunakan bagi mengukur kekuatan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar (penglibatan ibu bapa dan peranan guru) dengan pemboleh ubah bersandar (pencapaian akademik pelajar). Populasi kajian adalah seramai 923 orang pelajar di lima buah sekolah menengah di daerah Ranau pada tahun 2019. Saiz sampel responden berpandukan jadual Krejcie dan Morgan (1970) ialah 269 orang bagi mewakili populasi pelajar Tingkatan 2 di daerah Ranau dan pensampelan adalah secara rawak berkelompok. Pelajar Tingkatan 2 dipilih kerana tidak terlibat dengan peperiksaan utama dan telah berada di sekolah itu sekurang-kurangnya satu tahun.

Bahagian A melibatkan data nominal berkaitan latar belakang responden jantina dan keputusan peperiksaan. Di bahagian B, soalan soal selidik berkaitan penglibatan ibu bapa dalam tiga dimensi iaitu komunikasi di rumah (9 item), persediaan suasana pembelajaran di rumah (9 item) dan sokongan di rumah (13 item). Instrumen ini telah diambil berdasarkan soal selidik dibina oleh Zulkifli et al (2011). Bahagian C pula adalah berkaitan peranan guru dalam dua dimensi iaitu keberkesanan pelaksanaan pengajaran (10 item) dan penentuan kesesuaian aras pengajaran (8 item) yang dibina oleh Shahril @ Charil (2004). Data diukur dengan skala Likert berskala 1 hingga 5 dengan skala pengukuran dari sangat tidak setuju sehingga sangat setuju. Prestasi Akademik pelajar pula diambil dari markah pencapaian peperiksaan Bahasa Malaysia pada akhir tahun.

Data dianalisis menggunakan kaedah ujian parametrik. Semua data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) Version 26. Analisis statistik Kolerasi Pearson, Ujian-t dan Analisis Varian Sehala (ANOVA) telah digunakan. Dalam kajian rintis, kaedah ujian konsistensi dalaman dijalankan dan memperoleh nilai alpha 0.800 hingga 0.823 Menurut Sekaran (2003) kebolehpercayaan item soal selidik bergantung kepada ketinggian nilai alpha iaitu jika nilai alpha melebihi 0.60 ianya dianggap inggi dan boleh diterima. Kedua-dua instrumen juga telah melalui penyemakan kesahan kandungan dan kesahan gagasan untuk tujuan kesahan instrumen.

V. DAPATAN

Ujian normaliti menunjukkan Nilai skewness dan kurtosis keempat-empat pemboleh ubah berada pada julat -1.00 hingga +1.00 dan ini menunjukkan bahawa taburan data adalah dianggap normal. Berdasarkan kepada kriteria Chua (2013), taburan data kajian ini adalah berbentuk normal kerana nilai skewness dan kurtosis yang diperolehi berada dalam julat -1.96 hingga +1.96. Kebolehpercayaan instrumen dalam kajian sebenar adalah dianatara nilai alpha 0.76 hingga 0.81.

Sampel kajian berjumlah 269 orang terdiri daripada 123 pelajar lelaki atau 45.7% manakala seramai 146 orang atau 54.3% merupakan pelajar perempuan. Dari segi taburan kedudukan sekolah, sampel daripada SMK Lohan adalah paling tinggi iaitu seramai 80 orang atau 29.7%. Sampel di SMK Ranau pula seramai 60 orang atau 22.3% diikuti

sampel daripada SMK Matupang Jaya seramai 55 orang atau 20.4%. Manakala sampel di SMK Timbua seramai 40 orang atau 14.9%. Sampel yang terendah adalah daripada SMK Ulu Sugut iaitu seramai 34 orang atau 12.6%.

Tahap penglibatan ibu bapa dan peranan guru

Dapatan menunjukkan bahawa dimensi komunikasi di rumah, dimensi penyediaan suasana pembelajaran dan sokongan di rumah di rumah berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya aspek penglibatan ibu bapa di rumah berada pada tahap sederhana dengan min 3.06 dan sisihan piawai 0.90. Dapatan turut menunjukkan bahawa dimensi kualiti pengajaran guru dan kesesuaian aras pengajaran guru juga berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya aspek penglibatan ibu bapa di rumah berada pada tahap sederhana dengan min 3.29 dan sisihan piawai 0.98.

JADUAL I: TAHAP PENGLIBATAN IBUBAPA DAN PERANAN GURU

Dimensi Penglibatan Ibu Bapa	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Komunikasi di rumah	2.9637	1.01646	Sederhana
Penyediaan suasana pembelajaran di rumah	3.2672	0.88181	Sederhana
Sokongan di rumah	2.9617	0.80513	Sederhana
Jumlah	3.06	0.90	Sederhana
Dimensi Peranan Guru	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kualiti pengajaran	3.1390	0.91927	Sederhana
Kesesuaian aras pengajaran	3.4410	1.04590	Sederhana
Jumlah	3.29	0.98	Sederhana

Hubungan Penglibatan Ibu Bapa di rumah dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Berdasarkan Jadual 2, ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif tinggi yang signifikan ($p < .05$) antara penglibatan ibubapa ($r = .756$, $p = .000$), di rumah dengan pencapaian akademik. Keputusan ujian korelasi Pearson turut menunjukkan terdapat hubungan positif tinggi yang signifikan ($p < .05$) antara dimensi komunikasi ($r = .790$, $p = .000$), penyediaan suasana pembelajaran ($r = .726$, $p = .000$), sokongan ($r = .808$, $p = .000$) di rumah dengan pencapaian akademik.

JADUAL 2: HUBUNGAN PENGLIBATAN IBU BAPA DI RUMAH DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

Pembolehubah	Pencapaian	
Penglibatan ibubapa	Pearson Correlation	.756**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	269
Dimensi Komunikasi ibubapa	Pearson Correlation	.790**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	269
Dimensi Penyediaan suasana pembelajaran	Pearson Correlation	.726**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	269
Dimensi Sokongan ibubapa	Pearson Correlation	.726**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	269

***. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

Hubungan Peranan Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar.

Berdasarkan Jadual 3, hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif tinggi yang signifikan ($p < .05$) antara peranan guru ($r = .750$, $p = .000$) dengan pencapaian akademik. Hasil analisis turut menunjukkan terdapat hubungan positif tinggi yang signifikan ($p < .05$) antara dimensi kualiti pengajaran guru ($r = .715$, $p = .000$) dan kesesuaian aras pengajaran ($r = .776$, $p = .000$) dengan pencapaian akademik.

JADUAL 3: HUBUNGAN PENGLIBATAN IBU BAPA DI RUMAH DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR.

Pembolehubah		Pencapaian
Peranan Guru	Pearson Correlation	.750**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	269
Dimensi Kualiti Pengajaran Guru	Pearson Correlation	.715**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	269
Dimensi Kesesuaian Aras Pengajaran Guru	Pearson Correlation	.776**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	269

VI. PERBINCANGAN

Tahap Penglibatan Ibu Bapa

Penglibatan ibu bapa mempunyai 3 dimensi iaitu komunikasi di rumah, penyediaan suasana pembelajaran di rumah dan sokongan di rumah. Hasil analisis deskriptif yang telah dilaksanakan menunjukkan aras taburan penglibatan ibu bapa adalah pada aras sederhana. Dalam konteks dimensi penglibatan ibu bapa, ketiga-tiga dimensi menunjukkan taburan min yang agak seimbang dan tidak mempunyai perbezaan yang jauh. Diantara ketiga-tiga dimensi ini, tahap penglibatan ibu bapa dari aspek penyediaan suasana pembelajaran di rumah adalah yang paling tinggi. Dimensi sokongan di rumah pula merupakan aspek penglibatan ibu bapa yang berada pada aras kedua. Manakala penglibatan ibu bapa dalam dimensi komunikasi di rumah adalah merupakan aspek yang paling rendah.

Penglibatan ibu bapa berada pada tahap yang sederhana adalah disebabkan kebanyakan ibu bapa responden terdiri daripada petani dan berkerja sendiri. Kedua-dua jenis pekerjaan ini menuntut pengorbanan masa ibu bapa dari awal pagi hingga ke petang. Kesibukan terhadap kerja menyebabkan ibu bapa tidak mampu memperuntukkan masa yang secukupnya untuk melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak. Pernyataan ini disokong oleh Alma Harris dan Janet Goodall (2008) yang mendapati kesibukan kerja menjadi halangan kepada ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pembelajaran anak.

Selain itu, tahap pendidikan ibu bapa responden yang rendah turut menyumbang kepada sikap tidak mengambil berat akan kepentingan pelajaran anak-anak mereka (Kohl,

Lengua, & McMahon, 2002). Pandangan ini selari dengan dapatan kajian tinjauan oleh Ishak Harun (t.t) yang mendapati ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan rendah tidak mengetahui perkembangan sekolah dan pendidikan anak-anak disebabkan sibuk berkeburang.

Tahap Peranan Guru

Bagi dimensi peranan guru, terdapat dua dimensi yang telah dianalisis iaitu kualiti pengajaran dan kesesuaian aras pengajaran. Tahap dimensi kualiti pengajaran didapati berada pada tahap sederhana. Nilai tahap dimensi ini menggambarkan guru tidak melakukan persediaan rapi dengan menguasai isi pembelajaran sebelum melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan. Hal ini berlaku disebabkan bidang tugas guru bukan hanya mengajar di kelas tetapi perlu menyelesaikan tugas-tugas seperti melengkapkan fail paniti mata pelajaran, mengemaskini rekod kehadiran murid dan lain-lain tugas melibatkan kerja perkeranian. Muhammad Nurfaahmi et al., 2011, mendapati bebanan dan lambakan tugas guru pada hari yang sama menjadi salah satu faktor guru tidak membuat persediaan awal sebelum sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPcc) di dalam kelas bermula.

Selain itu, masalah ini timbul adalah disebabkan kelemahan dan sikap peribadi guru sendiri. Pernyataan ini disokong oleh Syed Najmuddin et al., 2009 yang menyatakan kekurangan komitmen dan dedikasi terhadap tugas menyebabkan guru tidak membuat persediaan awal. Faktor-faktor ini menyebabkan guru melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan dengan hanya menyampaikan isi kandungan yang terdapat di dalam buku teks. Dimensi kesesuaian aras pengajaran juga menunjukkan nilai min pada tahap sederhana. Hal ini menggambarkan objektif pembelajaran didalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan ditetapkan oleh guru tanpa mengambil kira tahap kemampuan pelajar. Tindakan sebegini akan menjejaskan kualiti pengajaran di dalam kelas menyebabkan pelajar tidak berjaya menguasai objektif pembelajaran selepas sesi pengajaran dan pemudahcaraan dijalankan. Sepatutnya guru memainkan peranan dengan membuat pemilihan kaedah dan teknik yang terbaik untuk digunakan di dalam pengajaran dan pemudahcaraan sesuai dengan aras penguasaan pelajar. Dalam kajian Ab. Halim dan Mohamad (2010), menyatakan guru perlu menggunakan teknik yang sesuai untuk membangkitkan minat pelajar semasa aktiviti PdPcc dijalankan. Kelemahan ini menyebabkan guru gagal menimbulkan perasaan ingin tahu dalam diri pelajar untuk agar kekal fokus dalam pelajaran. Oleh itu, guru perlu bijak membuat pengisian pada set induksi dalam PdPcc bagi menimbulkan rasa ingin tahu dan membuat pengukuhan di akhir PdPcc. Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian Rahil et al (2009), yang menyatakan bahawa penutup jenis kognitif mengarah kepada pengukuhan terhadap apa yang telah dipelajari oleh pelajar.

Purata analisis deskriptif jelas menunjukkan kedua-dua dimensi peranan guru berada pada tahap sederhana. Ia jelas menunjukkan peranan guru dalam aspek tersebut perlu dipertingkatkan lagi supaya memberi kesan yang positif kepada pencapaian akademik pelajar. Justeru, guru-guru perlu sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan baru bagi meningkatkan kemahiran sendiri seiring dengan

tuntutan bidang pendidikan masa kini. Antara program dan kursus yang boleh membantu meningkat kemahiran guru adalah program Komuniti Pembelajaran Profesional atau Professional Learning Community (PLC) yang mewujudkan peluang kepada guru untuk belajar secara kolektif dan menerapkan budaya kerja secara kolaboratif di peringkat sekolah. Program PLC juga dapat memastikan perbincangan dan sumbang saran antara guru akan berlaku secara berterusan. Amalan budaya positif ini secara tidak langsung memberi faedah bukan hanya kepada diri sendiri tetapi juga menyumbang kepada peningkatan keberkesanan proses PdPcc di dalam bilik darjah (Zanaton et. al, 2014).

Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik

Hasil ujian korelasi Pearson, dimensi komunikasi menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar menengah rendah. Tahap kekuatan hubungan antara dimensi komunikasi terhadap pencapaian akademik adalah pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, kemampuan ibu bapa mengurus komunikasi dengan baik terhadap anak di rumah boleh mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Ini kerana ibu bapa mempunyai masa yang banyak bersama-sama dengan anak di rumah. Oleh itu, ibu bapa seharusnya bijak memperuntukkan waktu untuk melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak. Contohnya, ketika bersama-sama dengan anak menonton program televisyen, timbulkan idea perbincangan yang berhubungkait dengan pelajaran anak.

Selain itu, ibu bapa juga boleh membuat semakan dan memberi bimbingan kepada anak dalam kerja-kerja sekolah. Kewujudan komunikasi yang berkesan antara ibu bapa dan anak akan menjadi pemangkin kepada kejayaan mereka untuk mendapatkan keputusan yang baik dalam akademik. Pendapat ini disokong oleh Zulkifli et al (2011) yang mendapati bahawa penglibatan ibu bapa iaitu perbincangan, penjagaan dan komunikasi mempunyai perkaitan yang positif dengan pencapaian akademik. Dapatan kajian Zulkifli et al (2011) juga menunjukkan bahawa ibu bapa sebagai orang yang signifikan dalam pencapaian akademik pelajar.

Bagi dimensi penyediaan suasana pembelajaran di rumah, hasil ujian korelasi Pearson menunjukkan dimensi ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Berdasarkan nilai pekali korelasi Pearson jelas menunjukkan hubungan antara dimensi penyediaan suasana pembelajaran di rumah dengan pencapaian akademik pelajar adalah pada tahap kuat. Mengambil kira hasil analisis ini, ibu bapa perlu berusaha menyediakan suasana pembelajaran yang selesa dan bersesuaian kepada anak di rumah. Contohnya, menyediakan kemudahan kerusi dan meja belajar untuk anak membuat kerja sekolah. Apabila ibu bapa dapat menyediakan suasana pembelajaran yang selesa di rumah, gangguan yang wujud dapat diminimumkan. Oleh itu, aktiviti pembelajaran anak-anak seperti menyiapkan kerja sekolah dan mengulangkaji pelajaran akan berlangsung di rumah dengan lebih berkesan. Menurut Abd. Razak (2011), 96.5 peratus responden yang terdiri daripada murid tingkatan empat di Selangor berharap ibu bapa mereka dapat menyediakan ruang pembelajaran yang selesa di rumah.

Selain itu, ibu bapa wajar menyediakan dan memastikan segala keperluan asas persekolahan anak-anak dilengkapi. Kesungguhan ibu bapa menyediakan kelengkapan untuk pembelajaran anak-anak menjadikan mereka lebih bersemangat untuk memajukan diri sendiri dan ingin menunjukkan bahawa mereka boleh mengubah masa depan keluarga (Mohamad Johdi et al, 2012). Seterusnya hasil ujian korelasi Pearson dimensi sokongan di rumah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi sokongan di rumah dengan pencapaian akademik pelajar. Nilai pekali korelasi Pearson pula menunjukkan tahap hubungan dimensi sokongan di rumah dengan pencapaian akademik pelajar adalah kuat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar yang mendapat sokongan daripada ibu bapa didalam pelajaran boleh mempengaruhi pencapaian akademiknya. Kenyataan ini disokong oleh Chohan dan Khan (2010), yang mendapati sokongan ibu bapa dalam melakukan kerja rumah dan aktiviti akademik yang lain mempunyai kesan yang besar ke atas tingkah laku dan pencapaian prestasi akademik murid.

Oleh itu, ibu bapa sentiasa berusaha menyediakan sokongan akademik kepada anak-anak seperti memberi galakan mengulangkaji pelajaran di rumah dan sokongan motivasi, seperti memberikan hadiah galakan apabila lulus cemerlang dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik anak mereka. Penglibatan ibu bapa seumpama ini didalam pelajaran anak-anak akan menjadi pendorong kepada mereka untuk berusaha lebih gigih memperolehi pencapaian yang lebih baik (Mohd Abdillah & Haleefa, 2011).

Berdasarkan ujian korelasi Pearson yang telah dijalankan, ketiga-tiga dimensi penglibatan ibu bapa ini menunjukkan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Manakala nilai purata keseluruhan pekali korelasi Pearson bagi ketiga-tiga dimensi ini pula menunjukkan hubungan pada tahap yang kuat dengan pencapaian akademik pelajar. Secara tidak langsung ia menggambar ibu bapa yang dapat mengurus aspek komunikasi, penyediaan suasana pembelajaran dan sokongan di rumah dengan baik, mampu mempengaruhi pencapaian akademik anak. Kenyataan ini dibuktikan dengan dapatan kajian oleh Azizi Hj. Yahya dan Nalini A/P Madavan (2006) yang menyatakan faktor hubungan kekeluargaan yang baik akan memberi kesan yang baik terhadap pencapaian akademik. Sekiranya faktor hubungan kekeluargaan renggang, pencapaian akademik akan semakin lemah. Terdapat juga dapatan dari pengkaji yang menyatakan sumber sokongan daripada ibu bapa, rakan-rakan dan ahli keluarga tidak mempengaruhi pencapaian akademik seorang pelajar (Hayati, 1998).

Hubungan Peranan Guru dengan Pencapaian Akademik

Hasil ujian korelasi bagi dimensi-dimensi peranan guru menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti pengajaran dan kesesuaian aras pengajaran dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah rendah di daerah Ranau. Ini menunjukkan kesesuaian kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru ketika melaksanakan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPcc) dapat menarik tumpuan pelajar terhadap pelajaran di dalam kelas. Apabila pelajar dapat memberikan sepenuh perhatian terhadap pengajaran guru, pelajar tersebut akan lebih mudah

memahami dan menguasai objektif pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Perkara ini akan membantu memudahkan pelajar tersebut melakukan ulangkaji pelajaran sebelum menghadapi peperiksaan. Situasi seumpama ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan dan membantu mereka mendapatkan keputusan yang terbaik dalam peperiksaan. Hasil daripada kajian-kajian lepas turut menyokong kenyataan ini yang menyatakan guru mampu memberi pengaruh positif terhadap sikap dan tingkah laku pelajar (Rohani, Hazrin dan Nordin, 2010; Klem dan Connell, 2004).

Kejayaan beberapa sampel pelajar menengah rendah di daerah Ranau mendapat gred A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menunjukkan peranan guru dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPcc) melalui dimensi kualiti pengajaran dan kesesuaian aras pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pernyataan ini disokong oleh Sharifah Nor dan Kamarul Azman (2011) serta Noor Erna dan Leong (2013) yang menyatakan pengajaran yang berkualiti merupakan platform yang paling berkesan untuk mentransformasikan pendidikan di sekolah rendah dan menengah. Pencapaian akademik pelajar ini turut membuktikan guru-guru telah melaksanakan "core business" dengan berkesan sebagai pembimbing dan pemudahcara kepada para pelajar untuk berjaya dalam pelajaran. Ini seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang terkandung dalam Standard 4, Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) yang mengkehendaki guru berperanan sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, dan penilai bagi meningkatkan kualiti dalam PdPcc (KPM, 2018).

Terdapat juga situasi dimana pelajar tidak memperolehi pencapaian yang baik dalam akademik walaupun guru telah melaksanakan proses pengajaran dan pemudahcaraan secara berkesan. Hal ini berlaku disebabkan tahap penerimaan diri individu pelajar di sekolah dipengaruhi oleh rakan sebaya (Dishion dan Owen, 2002). Kehadiran rakan sebaya akan mengganggu fokus pelajar ketika pengajaran dan pemudahcaraan sehingga mempengaruhi pencapaian mereka dalam pembelajaran (Klem & Conell, 2004; Durlak et al, 2011).

Dalam sampel kajian ini juga, terdapat sebilangan yang kecil pelajar mendapat keputusan peperiksaan mata pelajaran Bahasa Melayu yang kurang memberangsakan iaitu mendapat Gred E. Ini menunjukkan masih terdapat kelemahan dalam dimensi kualiti pengajaran dan kesesuaian aras pengajaran semasa guru melaksanakan proses pengajaran dan pemudahcaraan. Kelemahan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan berkualiti adalah disebabkan kurangnya tahap penguasaan berkaitan ilmu pendidikan dalam diri guru (Nur Hanani et al., 2013a; Anuar & Jingga, 2015; Nik Azis & Roshara'madan, 2015). Antara contoh kelemahan guru dalam pengajaran dan pemudahcaraan adalah seperti tidak membuat persediaan yang rapi berkaitan objektif pembelajaran yang hendak diajar.

Selain itu juga, kegagalan guru mengenali personaliti pelajarinya dari segi sikap dan aras penguasaan menyebabkan kaedah pengajaran dan penetapan aras objektif pembelajaran yang dilaksanakan adalah tidak berkesan kepada pelajar tertentu. Dalam situasi ini, pelajar tersebut tidak akan memberi perhatian serius terhadap pengajaran guru

menyebabkan isi pembelajaran yang ingin disampaikan oleh guru tidak dapat dikuasai. Apabila perkara sebegini berlaku, pelajar akan kurang bermotivasi untuk berusaha mengulangkaji pelajaran tersebut. Natijahnya, ia akan memberi kesan yang negatif terhadap pencapaian akademik pelajar tersebut. Justeru, kelemahan guru menggunakan kaedah yang sesuai dalam pengajaran dan pemudahcaraan antara lain menjadi punca kepada kelemahan pencapaian akademik pelajar. Kenyataan ini selari dengan dapatan Ishak Harun (t.t) yang menyatakan kelemahan guru sebagai pembimbing utama pelajar dan kurangnya pendedahan pengetahuan dan pengalaman merupakan antara faktor keciciran pelajar dalam subjek Bahasa Melayu di pedalarnan Sabah.

VII. RUMUSAN

Bagi memperkasakan peraksanaan pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan tahap kemahiran dan kemampuan guru seiring dengan tuntutan pendidikan masa kini. Oleh itu, pelbagai program berkaitan profesionalisme guru dilaksanakan secara berkala bertujuan memberi latihan berterusan kepada para guru agar dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada. Antara kursus anjuran pihak Kementerian Pendidikan Malaysia adalah seperti kursus semakan mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Arahan berkursus ini adalah seiring dengan Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 4 Tahun 2016 yang mewajibkan setiap guru melengkapkan 7 hari berkursus dalam setahun.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz & Abdul Rashid Mohamed. (2010). *Humor dalam pengajaran*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Muqith Ahmad. (2013). *Faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik pelajar Lulusan Diploma Politeknik dan Matrikulasi terhadap subjek Kejuruteraan*. Projek Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Abd. Razak Zakaria. (2011). *Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Konteks Keluarga dengan Pencapaian Akademik Murid*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh. (2012). *Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia
- Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (1), 43-56.
- Aida Hartini Mahmud, Zolkepli Haron. (2006). *Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah rendah*. Universiti Teknologi Malaysia
- Alma Harris & Janet Goodall. (2008). Do Parents Know They Matter? Engaging All Parents in Learning. *Educational Research*. 50 (3), 277-289.

- Anuar, Ahmad, dan Jingga, Nelson. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd Noor. (2016). *Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-anak Jalanan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur*. Universiti Teknologi Malaysia
- Azizi Hj. Yahaya dan Nalini A/P Madavan. (2006). *Faktor-faktor Lepak dan Hubungan Keibubapaan di kalangan Pelajar Remaja di Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharom Mohamad, Iliyash Hashim. (2009). *Bagaimana Memotivasi Pelajar*. Penerbit: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Bhasah Abu Bakar. (2007). *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn bhd.
- Borg, M.G.& Gall (1983). The Emotion Reaction of School Bullies and Their Victims. *Educational Psychology*, 18, 433 – 444.
- Chan Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan (1)*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Chohan, B. I., & Khan, R. M., (2010). Impact of parental support on the academic performance and self concept of the student. *Journal of Research and Reflection in Education*. 4,14-26.
- Chua Yan Piaw. (2013). *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Che Nidzam Che Ahmad. (2013). *Peskitaran Pembelajaran: Aspek Fizikal dan Psikososial*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dishion, T.J., & Owen, L.D. (2002). A Longitudinal Analysis of Friendships and Substance Use: Bidirectional Influence from Adolescence to Adulthood. *Developmental Psychology*. 38:480-491.
- Durlak, J., Weissberg, R., Dymnicky, A., Taylor, R., & Schellinger, K. (2011). The Impact of Enhancing Students' Social and Emotional Learning: A Meta-Analysis of School-Based Universal Interventions. *Child Development*. 82(1):405-432.
- Ee Ah Meng. (2003). *Ilmu Pendidikan: Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas*. Selangor: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Elina Kahar @ Mohd Abd. Kahar. (2005). *Tinjauan Dimensi Sikap, Status Sosioekonomi Keluarga dan Prestasi Akademik PMR di Semporna, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Ganesen Kamoo dan Norani Mohd Salleh (2014). *Pengaruh Struktur Keluarga dan Stail Keibubapaan Terhadap Pencapaian Akademik Murid India di Sekolah Menengah Rendah*. Universiti Teknologi Malaysia
- Guolaugh Erlendsdottir. (2010). *Effects Of Parental Involvement In Education: A Case Study In Namibia*. M.Ed. Thesis, University Of Iceland.
- Hasmah Iberahim. (2014). *Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Kecemerlangan Akademik Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan serta Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Hayati Mohamad. (1998). *Hubungan antara Sokongan Sosial dengan Penghargaan Kendiri dan Pengaruhnya terhadap Pencapaian Akademik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hiebert, J. et al. (1991). Fourth graders gradual constructions of decimal fractions during instruction using different representation. *Elementary School Journal*, 97, 301-341.
- Hoover-Dempsey, K. V., & Sandler, H. M. (1995). Parental involvement in children's education: Why does it make a difference? *Teachers College Record*, 97(2), 310-331.
- Hoover-Dempsey, K. V., & Sandler, H. M. (1997). Why do parents become involved in their children's education? *Review of Educational Research*, 67(1), 3-24
- Ishak bin Baba. (2009). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dan kaitannya terhadap Prestasi Akademik Pelajar UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ishak Harun. (t.t.). *Pendidikan sekolah rendah di pedalaman Keningau: Satu tinjauan di Kampung Salarom, Nabawan*. Dimuat turun pada Okt 16, 2019, daripada http://www.sabah.net.my/gordie/mpks/new_page_2.htm #laporan% 20tinjauan.
- Jones, Y. O. (2004). *The influence of parental involvement and parenting styles on student performance among 10th grade students*. Ed. D., Mississippi State University.
- Kallison, (1986). Effect of lesson organization achievement. *American Educational Research Journal*, 23, 337-347.
- King, D. & Menke, J. (1992). Providing the instructors note: An effective additional to student notetaking. *Educational Psychologist*, 20, 33-39.
- Klem, A.M., & Connell, J.P. (2004). Relationships Matter: Linking Teacher Support to Student Engagement and Achievement. *Journal in School Health*. 74(7):262-272.
- Kohl, G. W., Lengua, L. J., & McMahon, R. I. (2002). Parent involvement in school: Conceptualizing multiple dimensions and their relations with family and demographic risk factors. *Journal of School Psychology*, 38(6), 501-523.
- KPM (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 KPM*. Sarana Ibu Bapa, KPM
- KPM. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Land, M. L. (1987), *Vagueness and clarity*. Dalam Dunkin (Ed.), *International encyclopedia of teaching and teacher education*. N.Y: Pergamon.
- Mohamad Johdi Salleh. (2009). *Kajian Terhadap Kesedaran Pendidikan di Kalangan Masyarakat Orang Asli. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009*. University Malaysia of Sabah. 3 - 5 February 2009.
- Mohamad Johdi Salleh, Che Noraini Hashim, Ismael Hassanaen, Amir Hasan Dawi. (2009). Status Sosio Ekonomi dan Komitmen Ibu Bapa terhadap Pencapaian Pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah, Malaysia. *14th International Conference on Education*. 21th – 24th May 2009.

- Mohamad Johdi Salleh, Mazliza Kamin, Caroline L Loven, Jane Frances Henry, Moini Rubin. (2012). Kajian Terhadap Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Penilaian Menengah Rendah di Sabah. *Labuan International Conference on Educational Research- LICER 2012*.
- Mohd Jelas, Z., Salleh, A., Azman, N., Jani, R., Hamzah, R., Mahmud, I., Ab Hamid, Z., Hamzah, H & Zulnadi, H. (2014). Gender differences in learning support and academic achievement: The mediating role of student engagement. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 11(1), 237-262.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. (1988). *Pendidikan Di Malaysia*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.
- Muhamad Abdillah, R., & Haleefa, M. (2011). Faktor-faktor Kelemahan Yang Mempengaruhi Pencapaian Cemerlang Dalam Mata Pelajaran Reka Cipta. *Journal of Educational Psychology and Counseling*. 2:145-174.
- Muhammad Nurfahmi, Mohamed Yusof, Rohana, Hamzah, dan Amirmudin, Udin. (2011). Kemantapan penghayatan guru terhadap falsafah pendidikan kebangsaan asas membangunkan guru cemerlang. *Journal of Edupres*, 1, 271-278.
- Nik Azis, Nik Pa, dan Roshara'madan, Mohd Hashim. (2015). Makna akhlak bagi seorang murid tahun lima. *The Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 41-53.
- Noor Erma, Abu, dan Eu, Leong Kwan. (2013). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2, 20-31.
- Noor Su'adah Mohd Zawawi, Zalinah binti Mohamed, Dr. M. Khata bin Jabor. (2013). *Peranan Ibu Bapa Membantu Meningkatkan Kecemerlangan Akademik Anak-Anak*.
- Norhamiza Mohd Nor. (2005). *Sumbangan JERI Serta Kaitannya Dengan Kecemerlangan Akademik di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Pendidikan
- Nur Hanani, Hussin, Mohd Aderi, Che Noh, dan Ab Halim, Tamuri. (2013a). Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 10-19.
- Nurul Akmar Kamaruddin. (2004). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Menguasai Mata Pelajaran Kejuruteraan di Politeknik-Politeknik KPM*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Ragbir Kaur Joginder Singh (2010). *Panduan Ilmu Pendidikan Komprehensif untuk KPLI (Sekolah Rendah)*. Subang Jaya, Selangor. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Rahil Mahyudin, Habibah Elias dan Kamariah Abu Bakar. (2009). *Siri Pendidikan Guru: Amalan Pengajaran Berkesan*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd
- Rohani, A., Hazri, J., & Nordin, A.R. (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran Antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(2):61-69.
- Saedah Siraj, Zainun Ishak dan Tunku Mohani Tunku Mokhtar. (1996). *Motivasi dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Schultz, D. P. & Schultz, S. E. (2008). *Theories of Personality*. 9 Ed. Belmont: Cengage Learning.
- Shahrul Arba'iah Othman, Norzaini Azman, Manisah Mohd Ali. (2008). *Faktor Ibu Bapa dalam Kecemerlangan Akademik Pelajar Pekak*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Sharifah Nor, Puteh, dan Kamarul Azman, Abd Salam. (2011). Tahap Kesediaan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja dan Tingkah Laku Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 25-34.
- Sinari Mohd Eunus. (2003). *Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Guru Dalam Mata Pelajaran KHB KBSM*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Slavin, R. (1987). A theory of school and classroom organization. *Educational Psychologist*, 22, 89-108.
- Syed Najmuddin, Syed Hassan, Ab. Halim, Tamuri, Isahak, Othaman, dan Mohd. Sabri, Mamat. (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 31-50.
- Zahir Zainudin. (2015). *Faktor-Faktor Mempengaruhi Kecemerlangan Akademik Pelajar Tahun Satu IPTA*. Di petik pada Januari, 20, 2018 dari <http://zahirzainudin.blogspot.my/2015/10/faktor-faktor-mempengaruhi.html>.
- Zanaton Iksan, Aidah Abdul Karim, Fariza Khalid, Effandi Zakaria, Rosseni Din, Md Yusof Daud & Roslinda Rosli. (2014). Lesson study (Jogyoukenyu): Kajian perbandingan Jepun dan Malaysia. *Proceedings of 4th International Conference on Learner Diversity*, 271-277. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad, Ismi Arif Ismail. (2011). Hubungan Antara Penglibatan Ibubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 2011:31-40.